



SIARAN MEDIA
MEDIA RELEASE

**INDEKS JUALAN RUNCIT
DAN
INDEKS PERKHIDMATAN MAKANAN & MINUMAN
SUKU KEEMPAT 2020**

*RETAIL SALES INDEX
AND
FOOD & BEVERAGES SERVICES INDEX
FOURTH QUARTER 2020*

Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik
Kementerian Kewangan dan Ekonomi
Negara Brunei Darussalam

*Department of Economic Planning and Statistics
Ministry of Finance and Economy
Brunei Darussalam*



**SIARAN MEDIA
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**INDEKS JUALAN RUNCIT DAN INDEKS PERKHIDMATAN MAKANAN & MINUMAN
SUKU KEEMPAT 2020**

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

1. Pada suku keempat (Q4) 2020, prestasi Indeks Jualan Runcit (IJR) di Negara Brunei Darussalam terus menunjukkan peningkatan tahun-ke-tahun sebanyak 21.3 peratus dengan nilai jualan runcit dianggarkan sebanyak BND455.6 juta. Manakala bagi Indeks Perkhidmatan Makanan & Minuman (IPM&M) pula, ianya juga telah meningkat iaitu sebanyak 11.5 peratus berbanding Q4 2019 dengan nilai hasil jualan dianggarkan sebanyak BND96.2 juta.
2. Bagi jualan runcit, kesemua aktiviti runcit telah menunjukkan peningkatan jualan, yang didorong terutamanya oleh jualan Peralatan Komputer & Telekomunikasi yang meningkat sebanyak 83.4 peratus diikuti dengan jualan Peralatan Elektrik dan Peralatan Pencahayaan Isi Rumah di kedai khusus sebanyak 53.0 peratus; jualan Perkakasan, Cat dan Kaca di kedai khusus (23.1 peratus); jualan di Gedung Serbaneka (17.3 peratus); dan jualan di Pasaraya (14.5 peratus).
3. Manakala bagi Perkhidmatan Makanan & Minuman, peningkatan jualan adalah didorong oleh hasil jualan bagi Aktiviti Penyajian Minuman sebanyak 72.8 peratus, diikuti dengan Restoran sebanyak 13.8 peratus dan Kedai Makanan Segera (9.7 peratus).
4. Peningkatan jualan runcit dan jualan perkhidmatan makanan & minuman adalah selaras dengan kenaikan permintaan domestik bagi barangan dan perkhidmatan tertentu berikutan sekatan keluar negeri.

5. Berbanding dengan suku ketiga (Q3) 2020, Indeks Jualan Runcit (IJR) pada Q4 2020 telah meningkat sebanyak 11.9 peratus, terutamanya disebabkan oleh peningkatan jualan Buku, Surat Khabar dan Alat Tulis di kedai khusus sebanyak 87.5 peratus dan jualan Tekstil, Pakaian dan Kasut sebanyak 41.1 peratus. Manakala bagi Indeks Perkhidmatan Makanan & Minuman (IPM&M) pula, ianya juga telah mencatatkan peningkatan sebanyak 13.9 peratus pada Q4 2020 berbanding Q3 2020 terutamanya disebabkan oleh peningkatan hasil jualan bagi Kedai Makanan Segera sebanyak 16.0 peratus.

6. Indeks Jualan Runcit (IJR) dan Indeks Perkhidmatan Makanan & Minuman (IPM&M) adalah petunjuk awal prestasi ekonomi bagi kedua-dua aktiviti dan gambaran bagi tren perbelanjaan pengguna di Negara Brunei Darussalam bagi setiap suku tahunan. Laporan penuh bagi kedua-dua aktiviti boleh didapati melalui laman sesawang JPES: www.deps.gov.bn.



MEDIA RELEASE
DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS
MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY

RETAIL SALES INDEX AND FOOD & BEVERAGES SERVICES INDEX
FOURTH QUARTER 2020

BRUNEI DARUSSALAM

1. *In the fourth quarter (Q4) 2020, the performance of the Retail Sales Index (RSI) in Brunei Darussalam continued to show a year-on-year increase of 21.3 per cent with an estimated retail sales value of BND455.6 million. As for the Food & Beverages Services Index (F&BSI), it has also increased by 11.5 per cent compared to Q4 2019 with an estimated sales revenue of BND96.2 million.*
2. *For retail sales, all retail activities have shown an increase in sales driven mainly by the sales of Computer & Telecommunication Equipment which increased by 83.4 per cent followed by the sales of Electrical Household Appliances and Lighting Equipment in specialized stores by 53.0 per cent; sales of Hardware, Paints and Glass in specialized stores (23.1 per cent); sales in Department Stores (17.3 per cent); and sales in Supermarkets (14.5 per cent).*
3. *As for Food & Beverage Services, the increase in sales was attributed to the increase in sales revenue of Beverage Serving Activities (72.8 per cent), followed by Restaurants (13.8 per cent) and Fast-food Outlets (9.7 per cent).*
4. *This increase in retail sales and sales of food and beverage services was in line with the increase in domestic demand for certain goods and services due to travel restrictions abroad.*

5. *As compared to the third quarter (Q3) 2020, the Retail Sales Index (RSI) in Q4 2020 has recorded a growth of 11.9 per cent mainly due to increase in sales of Books, Newspapers and Stationery in specialized stores by 87.5 per cent and sales of Textiles, Wearing Apparel & Footwear by 41.1 per cent. As for the Food & Beverages Services Index (F&BSI), it has also recorded an increase of 13.9 per cent in Q4 2020 compared to Q3 2020 mainly due to the increase in sales revenue of Fast-food Outlets by 16.0 per cent.*

6. *Retail Sales Index (RSI) and Food & Beverages Services Index (F&BSI) are preliminary indicators of economic performance for both activities and outlook for consumer spending trends in Brunei Darussalam on a quarterly basis. Full reports of both activities are available from DEPS's website: www.deps.gov.bn.*